

Oleh Mohd Shukor Amin

bhnews@bharian.com.my

SABAK BERNAM: Hakis pantai sejak beberapa tahun lalu di sepanjang Pantai Sungai Lang dan Tanjung Sauh di sini menghantui penduduk kawasan berkenaan.

Tinjauan *Sentral* mendapati struktur benteng di dua kawasan pantai itu yang menempatkan beberapa kampung, selain turut menjadi pusat peranginan semakin serius sejak kebelakangan ini dan perlu diatasi segera untuk mengelak kejadian buruk.

Penduduk bimbang kelewatan kerajaan membina tebing pemecah ombak bagi mengurangkan kesan hentaman ombak terutama ketika air pasang boleh melenyapkan pantai dan kampung berkenaan daripada peta negara.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Sungai Apong, Mohd Ngali Safar, berkata pihak bertanggungjawab wajar mengambil tindakan dan memikirkan langkah sesuai untuk mengatasi masalah terbabit.

“Kerja membaiki pulih dan menaik taraf perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan penduduk di sini. Jika sudah dibaiki, kita tidak perlu takut lagi. Bayangkan apa akan berlaku kalau benteng ini pecah. Kampung dan kawasan per-

Benteng dikhuatiri pecah dipukul ombak



STRUKTUR kawalan hakisan yang dipasang struktur di pinggir pantai Tanjung Sauh.

MOHD SHUKOR AMIN | BERITA HARIAN

“Kerja membaiki pulih dan menaik taraf perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan penduduk di sini. Jika sudah dibaiki, kita tidak perlu takut lagi”

Mohd Ngali Safar

Pengerusi JKKKP
Sungai Apong

Hakisan di pantai Sungai Lang, Tanjung Sauh makin serius

tanian di sini akan lenyap.

“Kerajaan perlu membina tebing pemecah ombak bagi mengurangkan kesan hakisan ombak daripada terus merobohkan struktur pasir di pantai peranginan ini,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Bagaimanapun, jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Abdul Aziz Mohamed Yusof, berkata apa yang berlaku di kawasan berkenaan ialah fenomena air melimpah dan ia tidak memberi risiko besar kepada pen-

duduk setempat.

“JPS mencadangkan kerja meninggikan benteng sepanjang dua kilometer di pantai Sungai Lang dan Tanjung Sauh untuk mengatasi masalah ini.

“Memang sebelum ini kawasan itu kritikal, namun

selepas kerja menanam struktur kawalan hakisan pantai pada 2005, hakisan dapat dikawal,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Abd Rahman Bakri, berkata isu berkenaan akan diajukan

kepada menteri bertanggungjawab.

“Apa yang kita lakukan ini adalah untuk kepentingan rakyat. Kita bantu sebaik mungkin dan kita tidak akan berjanji kalau kita tidak mampu,” katanya.